

PENDIDIKAN *MORAL*

PENGENALAN PENDIDIKAN MORAL




Noraini Binti Ismail
Che Nor Kharsiah Binti Yasin

PENDIDIKAN MORAL : PENGENALAN PENDIDIKAN MORAL

Noraini Binti Ismail

Che Nor Kharsiah Binti Yasin



e ISBN 978-967-2099-67-3

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Perpustakaan Negara Malaysia Data

Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Noraini Ismail, 1978-

PENDIDIKAN MORAL : PENGENALAN PENDIDIKAN MORAL / Noraini Binti Ismail,
Che Nor Kharsiah Binti Yasin.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2099-67-3

1. Moral education.

2. Government publications--Malaysia.

3. Electronic books.

I. Che Nor Kharsiah Yasin, 1973-. II. Judul.

370.114

Diterbit oleh : Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

KM08,Jalan Paka,
23000 Dungun,
Terengganu

Pertama kali diterbitkan 2021

PENGHARGAAN

KATA-KATA ALUAN PENGARAH



Alhamdulillah , Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia dan izinNya serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammmad SAW.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Ketua Jabatan, Ketua Kursus Pendidikan Islam, Ketua Editor, Perekabentuk grafik dan Pensyarah Unit Pendidikan Islam, yang terlibat di atas usaha mereka dalam menghasilkan penerbitan e-Book untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bagi Kursus Unit Pendidikan Islam dengan jayanya. Syabas sekali lagi diucapkan kepada mereka yang terlibat, kerana bertungkus lumus membuat penambahbaikan isi kandungan, memasukkan pelbagai bentuk grafik yang kreatif seiring dengan perubahan silibus terkini.

Saya percaya bahawa penghasilan e-Book yang dikenali sebagai Buku Elektronik ini akan mampu memenuhi silibus bagi pelajar-pelajar di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin khususnya dan seluruh politeknik Malaysia amnya. Saya juga amat yakin, pembelajaran melalui kaedah ini akan menjadi lebih berkesan apabila ia dipacu dengan pengajaran yang berkualiti oleh pensyarah lebih-lebih lagi dengan penerbitan dan penggunaan e-Book seperti ini. Justeru itu, e-Book ini insyaAllah akan menjadi salah satu rujukan penting bagi semua pelajar yang mengambil kursus-kursus berkenaan.

Dalam menghadapi era pembangunan pendidikan yang semakin mencabar , Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa menilai dan melakukan penambahbaikan dalam mencorak sistem pendidikan yang lebih dinamik. Transformasi pendidikan merupakan agenda utama kementerian dalam mengolah strategi pengajaran agar lebih berkesan dengan pendekatan *Outcome Based Education (OBE)* . Dengan penerbitan e-Book ini, ia menjadi salah satu usaha ke arah pencapaian hasrat dan cita-cita tersebut.

Akhir kata, sekali lagi ucapan tahniah dan syabas kepada pensyarah Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am yang terlibat dengan penghasilan e-Book ini. Saya berharap komitmen yang tinggi ini akan berterusan dan akan mendapat sokongan dari semua warga politeknik. Semoga ianya menjadi wadah terbaik untuk melahirkan insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu dan keunggulan sahsiah agar dapat merealisasikan aspirasi negara dalam melahirkan para graduan yang mempunyai daya saing yang tinggi.

Sr. HAJI MOHD FIKRI BIN ISMAIL
Pengarah
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin,

PENGHARGAAN

KATA-KATA ALUAN KETUA JABATAN PENGAJIAN AM



Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya, Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am (JPA) berjaya menerbitkan e-Book MPU23142 Pendidikan Moral yang dikenali sebagai Buku Elektronik. Penerbitan e-Book ini juga merupakan usaha bersama antara Puan Noraini binti Ismail dan Puan Che Nor Kharsiah binti Yasin dalam usaha untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui kaedah mengakses bahan pembelajaran melalui *online*.

Dengan penghasilan e-Book ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan yang berguna kepada semua pembaca terutama pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin khususnya dan seluruh warga politeknik Malaysia amnya. Penulisan e-Book ini adalah merupakan hasil usaha pensyarah yang sentiasa komited selaras dengan perubahan kurikulum terkini yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pensyarah yang terlibat kerana berusaha keras dalam menyiapkan e-Book ini. Saya percaya, segala usaha baik dan murni ini akan mendapat balasan serta ganjaran di sisi Allah SWT kelak.

Saya menghargai komitmen yang diberikan oleh pensyarah sehingga berjaya menghasilkan e-Book dengan memuatkan pelbagai isi yang padat serta pelbagai grafik yang kreatif bagi menarik minat pelajar. Semoga usaha ini memberi banyak manfaat kepada semua pembaca khususnya pelajar-pelajar Politeknik yang mengambil kursus MPU23142 Pendidikan Moral.

Akhir kata, saya berharap agar penerbitan e-Book ini akan memberi satu impak yang besar kepada usaha murni Jabatan Pengajian Am dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam arus modenisasi global. Sekian terima kasih.

Wassalam.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Norsaliza Binti Osman".

NORSALIZA BINTI OSMAN
Ketua Jabatan Pengajian Am
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

PRAKATA

P
E
N
D
I
D
I
K
A
N

M
O
R
A
L

PENDIDIKAN MORAL memberi pengetahuan tentang konsep asas moral untuk diamalkan. Selain itu, kursus ini juga menjelaskan etika individu yang bermoral dan bertanggungjawab serta isu-isu moral yang mempengaruhi pembentukan negara dan masyarakat.

Buku yang dihasilkan ini berbentuk elektronik (ebook) yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada pelajar kerana disediakan mengikut silibus terkini politeknik.

Pendidikan Moral , membincangkan konsep yang berkaitan dengan pembentukan masyarakat, amalan Pendidikan Moral dalam kehidupan, aspek moral dalam wawasan dan Falsafah Pendidikan Negara. Selain itu ia juga menerapkan tentang konsep nilai moral, etika dan akhlak dalam kehidupan seharian.

Dengan adanya kursus yang ditawarkan untuk pelajar *non muslim* ini di harap dapat melahirkan pelajar yang lebih efektif dan berdaya saing serta mempunyai kesedaran terhadap perubahan dan perkembangan semasa selari dengan nilai-nilai moral yang tinggi dalam diri.

Diharapkan *e-book* ini dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh setiap warga politeknik dan memberi manfaat kepada sesiapa yang menggunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di samping dapat mencapai objektif yang ditetapkan.

Noraini Binti Ismail
Che Nor Kharsiah Binti Yasin
noraini@psmza.edu.my
kharsiah@psmza.edu.my

KANDUNGAN

01

Kata-kata aluan Tuan Pengarah

02

Kata-kata aluan Ketua Jabatan Pengajian Am (JPA)

03

Abstrak

04

Kandungan

- Pengenalan Pendidikan Moral dalam kehidupan
- Moral dalam wawasan dan falsafah pendidikan negara
- Perbezaan di antara moral dan nilai
- Perbezaan di antara etika dan moral
- Akhlak, kemoralan, pendidikan moral, agama dan kepercayaan
- Konsep nilai baik, benar dan patut

05

Latihan Pengukuhan

06

Skema Jawapan

07

Rujukan

KANDUNGAN

Hasil Pembelajaran :

CLO1 :

Mengamalkan nilai moral yang baik dalam kehidupan seharian
(A2 , CLS 4)

Kaedah Pengajaran :

Syarahan/Perbincangan/Soal jawab

Kaedah Penilaian :

Perbincangan

PENDIDIKAN MORAL

Pengenalan Pendidikan Moral dalam kehidupan

Moral dalam wawasan dan Falsafah Pendidikan Negara.

Perbezaan di antara moral dan nilai

Perbezaan di antara etika dan moral

Akhhlak, kemoralan, pendidikan moral, agama dan kepercayaan

Konsep nilai baik, benar dan patut

PENGENALAN PENDIDIKAN MORAL DALAM KEHIDUPAN

Pendidikan Moral adalah satu mata pelajaran yang menekankan aspek-aspek kerohanian, kemanusiaan dan kemasyarakatan. Tumpuan khusus akan diberikan kepada pemupukan, penghayatan dan amalan nilai murni yang terdapat di dalam agama tradisi dan adat resam pelbagai kaum di Malaysia sejajar dengan nilai murni sarwajagat.

MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENDIDIKAN MORAL

Matlamat - Kursus ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar menghayati nilai-nilai moral supaya mereka dapat mengenal, menerima, mengamal dan seterusnya membuat keputusan yang rasional mengenai berbagai perkara dan situasi dalam kehidupan. Penghayatan terhadap nilai-nilai ini membolehkan mereka membuat pertimbangan sendiri secara rasional dan sentiasa berlandaskan prinsip-prinsip moral apabila berhadapan dengan pelbagai isu dalam masyarakat Malaysia. Penghayatan dan amalan nilai-nilai moral ini dapat membentuk seorang individu yang berperibadi mulia.

Objektif

Antara **objektif** kursus Pendidikan Moral di politeknik adalah supaya pelajar dapat:

- a) Meningkatkan dan mengamalkan budi pekerti mulia dalam kehidupan seharian.
- b) Membuat pertimbangan dan bertindak mengikut teori, pemikiran, prinsip dan peraturan moral.
- c) Memperkuuhkan amalan tabiat dan tingkah laku dengan sikap serta nilai moral yang diperolehi pada peringkat sekolah.
- d) Menyedari, memahami dan menghayati nilai-nilai murni serta norma dalam masyarakat Malaysia ke arah pembinaan pemikiran yang lebih ideal.
- e) Mengembangkan serta mengaplikasi pemikiran moral, perasaan moral dan perlakuan moral dalam membuat sesuatu pilihan serta keputusan yang selaras dengan nilai-nilai murni.
- f) Menyedari serta menerima kepentingan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan hidup dalam perhubungan diri, keluarga, masyarakat, negara dan alam sekitar.

ASPEK MORAL DALAM WAWASAN FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

KEPENTINGAN PENDIDIKAN MORAL DALAM WAWASAN DAN FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

Pendidikan di Malaysia adalah usaha yang berterusan dan bersepada untuk membentuk insan yang seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab serta berupaya mencapai kesejahteraan diri. Rentetan itu ia akan menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.

Pendidikan selama 9 tahun dikatakan sebagai Pendidikan Universal Percuma, iaitu Pendidikan Sekolah Rendah selama 6 tahun dan Pendidikan Sekolah Menengah selama 3 tahun. Pendidikan yang lebih tinggi juga dikatakan seperti kemahiran dan vokasional, Pendidikan ‘Extention’, Pendidikan Pengajian Tinggi dan sebagainya. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar rasmi dan digunakan secara meluas dalam proses pengajaran serta pembelajaran. Bahasa Cina dan bahasa Tamil adalah dua bahasa pengantar alternatif.

Pendidikan Negara diusahakan dengan giat untuk mencapai beberapa matlamat yang ditetapkan . Matlamat-matlamat tersebut sebagai momentum untuk menambahkan bilangan masyarakat yang berpengetahuan, melahirkan masyarakat yang selaras dengan aspirasi dan hasrat negara, sebagaimana yang terkandung dalam Rukun Negara. Antara lain sebagai strategi dalam Dasar Ekonomi Baru, meningkatkan produktiviti individu dan lain-lain secara percuma, mengadakan sistem politeknik, pendidikan ‘extention’ serta menambahkan jumlah universiti.

Pembentukan Falsafah Pendidikan Negara adalah merujuk kepada perkara-perkara yang terkandung dalam Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961, Laporan Jawatankuasa mengkaji semula pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, Rukun Negara dan Prinsip Pendidikan serta Matlamat Pendidikan. Pernyataan falsafah ini berbunyi :

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.

Falsafah Pendidikan Negara bertujuan memperkembangkan lagi potensi individu, mewujudkan insan yang seimbang, kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan untuk menikmati kesejahteraan diri dan melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu tanpa mengira bangsa dan agama.

Kementerian Pendidikan telah menyelaraskan nilai-nilai murni yang terdapat dalam berbagai agama di Malaysia yang bersifat universal. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menukuhkan Jawatankuasa Pendidikan Moral 1976 dan telah meneliti dan menggubal nilai-nilai moral untuk diajar di sekolah-sekolah berdasarkan nilai-nilai universal yang terkandung dalam ajaran agama-agama di Malaysia. Jawatankuasa ini telah menerima secara muktamad 16 nilai murni untuk diajar di sekolah-sekolah.

Pendidikan Moral di peringkat Pengajian Tinggi bertujuan untuk membentuk individu yang menyeluruh dan seimbang, matang dan bermaklumat, yang berupaya menaakul, berperasaan dan bertingkahlaku moral ke arah pembangunan masyarakat beretika yang adil dan berkepedulian (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, Peringkat Sijil dan Diploma LAN; 2005). Pelajar berpeluang memahami pelbagai konsep asas moral dan etika, teori etika dan moral, memahami asas moral dalam pelbagai agama secara mendalam, memperoleh kemahiran penyelesaian konflik moral yang pelbagai dan berpeluang membincangkan masalah dan isu moral di tahap penaakulan yang tinggi.

NILAI MURNI DALAM PENDIDIKAN MORAL

“ Nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya diasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama untuk membentuk kehidupan penganutnya untuk menjadi baik dan berakhhlak mulia”.

(Wan Mohd Zahid, 1988)

Pusat Perkembangan Kurikulum(PKK) telah memperakui 16 nilai-nilai murni ;



Aspek moral dalam wawasan Falsafah Pendidikan Negara

Kepentingan Pendidikan Moral Dalam Wawasan dan Falsafah Pendidikan Negara

Matlamat

Menambah bilangan masyarakat berpengetahuan selaras dengan aspirasi dan hasrat negara

Strategi

Dasar Ekonomi Baru
Meningkat produktiviti individu
Mengadakan sistem politeknik
Menambah universiti

Tujuan

Memperkembangkan potensi individu
Mewujudkan insan yang seimbang
Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan
Rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia
Bertanggung jawab
Berkeupayaan untuk menikmati kesejahteraan diri
Malahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu

PERBEZAAN DI ANTARA MORAL DAN NILAI

Istilah Moral

Moral berasal daripada perkataan Latin iaitu ‘*mores*’ yang bermaksud cara. Dalam bahasa Latin ‘*moralitas*’ atau *morality* bererti cara, perwatakan dan tingkah laku yang diterima.

Semua konsep ini merujuk kepada konsep tingkah laku manusia yang terlibat dengan tingkah laku betul atau salah, yang juga kadangkala dikenali sebagai ‘*baik*’ atau ‘*buruk*’. Ia boleh digunakan sebagai kod tingkah laku yang diterima dalam satu masyarakat atau sub masyarakat tersebut. Apa yang diterima pakai dalam satu masyarakat misalnya, hukuman memotong kepala pada zaman pemerintahan Roman diterima sebagai bermoral dalam keadaan dan kedudukan masyarakat pada zaman itu. Sehingga kini, apa yang diterima sebagai moral dalam satu masyarakat mungkin bercanggah atau dianggap tidak bermoral dalam masyarakat atau budaya yang lain.

Menurut Kamus Dewan, moral bermaksud ajaran atau pegangan berkaitan baik buruk sesuatu perbuatan (kelakuan, kewajipan, dan lain-lain), sikap atau cara berkelakuan yang berdasarkan atau yang diukur dari segi baik buruk sesuatu akhlak.

Sesuatu amalan atau tindakan yang dikatakan bermoral, boleh dilihat dari segi tindak balas atau reaksi individu terhadap situasi-situasi berikut;

1. Pengawalan diri terhadap sesuatu keinginan nafsu atau dapat menahan diri daripada melakukan sesuatu tingkah laku yang dianggap salah.
2. Kawalan terhadap keperluan fizikal yang berdasarkan kepada peraturan-peraturan masyarakat yang telah diterima secara rasional.
3. Bertindak secara rasional terhadap sesuatu keputusan moral, yang melibatkan penafsiran tentang apa yang dikatakan tindakan yang betul. Penafsiran ini dilakukan dengan adanya maklumat atau pengetahuan yang mencukupi dan dihuraikan oleh pemikiran secara objektif atau kritik.
4. Sentiasa menjaga atau bertindak dalam keadaan yang berdisiplin serta menghayati sesuatu standard hidup yang dicapai oleh sosioekonomi masyarakat.
 - Moral bersumberkan nilai baik buruk sesuatu tingkah laku ditentukan oleh masyarakat berdasarkan pemikiran dan sentimen umum yang tertentu bergantung pada masa, tempat dan keadaan, adat dan kebiasaan, sistem sosial, sistem nilai, budaya, didikan, pemikiran dan juga agama. Ia bersifat relatif, subjektif dan sementara.

Istilah Nilai

Nilai pula merupakan suatu keadaan yang membawa maksud baik, berguna, bermanfaat, diingini, berharga, berkualiti, berkewajipan, kesucian, kecantikan, kebenaran dan ia menunjukkan kepada perkara-perkara positif. Nilai juga merupakan set atau prinsip asas untuk mengukur sesuatu perlakuan sama ada baik atau buruk, benar atau salah.

Nilai adalah konsep luas yang boleh merujuk kepada kualiti, kebajikan atau bakat peribadi ; kepada keberanian atau kebodohan seseorang ; untuk kepentingan, harga atau kegunaan sesuatu , serta kebaikan atau kesahihan sesuatu .

Dalam pengertian ini, nilai dapat digunakan untuk menentukan kualiti atau kebajikan yang diberikan kepada seseorang yang mempengaruhi penghargaan dan pertimbangannya dengan cara berikut:


1. Bakat istimewa: "Anak lelaki ini akan menjadi nilai sains",
2. Ketegasan, keberanian dan keberanian dalam bertindak: "Dia memiliki keberanian untuk meletakkan prinsip moralnya sebelum wang",
Dan "Dia masih berani untuk meminta pinjaman lain kepada saya".

Nilai disebut juga kepentingan, utiliti atau kesahihan yang kita aturkan kepada sesuatu, sama ada tindakan, idea, perkataan atau makhluk.

Nilai berfungsi sebagai perangsang terhadap sesuatu situasi dan menghadkan perlakuan seseorang. Sumber Nilai sama ada agama, ilmu, pengalaman dan budaya serta adat dan kebiasaan.

ASPEK	MORAL	NILAI
DEFINISI	<p>Moral berasal dari perkataan Latin ‘moralis’ yang bermaksud tingkah laku yang sejajar dan sesuai dengan tatasusila serta peraturan sebuah masyarakat. Satu sistem yang menilai zahir manusia dalam hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam</p>	<p><i>Nursal Luth dan Daniel Fenandez:</i> Nilai adalah perasaan-perasaan tentang apa yang diinginkan atau tidak diinginkan yang mempengaruhi tingkah laku sosial dari orang yang memiliki nilai itu. Nilai bukanlah soal benar atau salah tetapi soal dikehendaki atau tidak, disenangi atau tidak. Nilai merupakan kumpulan sikap dan perasaan yang selalu diperlihatkan melalui perilaku manusia.</p>
SUMBER	<p>Nilai baik buruk sesuatu tingkah laku ditentukan oleh masyarakat berdasarkan pemikiran dan sentimen umum yang tertentu bergantung pada masa, tempat dan keadaan, adat dan kebiasaan, sistem sosial, sistem nilai, budaya, didikan, pemikiran dan juga agama. Ia bersifat relatif, subjektif dan sementara.</p>	Pengalaman dan budaya, adat dan kebiasaan, ilmu serta agama adalah sumber kepada nilai.

Jadual 1 : Beza di antara moral dan nilai



PERBEZAAN DI ANTARA MORAL DAN NILAI

Tingkah laku yang
sejajar dan sesuai
dengan tatasusila dan
peraturan sebuah
masyarakat

Sistem yang menilai
zahir manusia dalam
hubungan manusia
dengan manusia dan
hubungan manusia
dengan alam

Pegangan yang
berkaitan baik
atau buruk

Nilai baik buruk
ditentukan oleh
masyarakat

Bersifat relatif,
subjektif dan
sementara

MORAL

PERBEZAAN DI ANTARA MORAL DAN NILAI

Bukan soal benar atau salah tapi soal mahu atau tidak

Perasaan-perasaan apa yang diinginkan @ sebaliknya yang mempengaruhi tingkah laku sosial

Merupakan kumpulan sikap dan perasaan yang selalu diperlihatkan melalui perilaku manusia

Sumber nilai adalah dari pengalaman, budaya, ilmu dan agama

NILAI

PERBEZAAN DI ANTARA ETIKA DAN MORAL

Istilah Moral

Kamus Dewan mendefinisikannya sebagai ajaran atau pegangan yang berkaitan baik atau buruk sesuatu perbuatan , kelakuan, kewajipan, pertuturan, tindakan dan sebagainya. Satu sistem yang menilai zahir manusia dalam hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam.

Istilah Etika

Etika berasal daripada bahasa Yunani iaitu ‘*ethos*’ yang bererti adat, sesuatu kehendak atau kebiasaan. ‘*Ethic*’ daripada bahasa Inggeris bermaksud nilai atau perkara yang berkaitan dengan sikap yang menentukan tingkahlaku sesuatu golongan.

Etika pada amnya dibahagikan kepada dua bahagian;

a. *Etika Deskriptif /Metaetika*

- Suatu disiplin yang membincarakan sejarah sistem moral yang ada pada golongan tertentu.

b. *Etika Normatif*

- Etika yang menilai , mengkritik dan membuat keputusan terhadap sistem moral yang ada. Ia turut mengemukakan sistem moral yang standard dengan berpandukan sistem yang sedia ada.

Sejarah etika mengikut pegangan agama dibahagikan kepada;

a) Etika Para rasul

- Nabi Adam a.s merupakan pelopor etika dan disambung oleh rasul-rasul yang lain. Etika yang membawa risalah tauhid yang sama dan beribadat kepada Allah Taala. Ia juga menganjurkan supaya melakukan kebaikan dan menjauhkan kejahanatan di atas muka bumi ini.

b) Etika Hindu

- Kitab Veda (1500 s.m) menggalakkan penganutnya mematuhi disiplin dengan melaksanakan tuntutan ajaran agama serta upacara ibadat kepada Tuhan mereka.

c) Etika Buddha

- Agama Buddha memperjuangkan beberapa etika. Antara etika yang diperjuangkan ialah;
 - i - Sengsara dan sakit sebagai lazim dalam alam ini.
 - ii- Kembali ke dunia disebabkan kotornya roh dengan nafsu syahwat terdahulu.
 - iii-Mereka hendaklah melepaskan diri dari segala syahwat untuk menyelamatkan diri dalam usaha mencapai Nirwana.
 - iv-Wajib menjauhi rintangan yang menghalang seseorang dalam melepaskan nafsu syahwatnya iaitu dengan memadamkan semua keinginan.

d) Etika Kung Fu Tze

- i- Kesempurnaan boleh dicapai oleh orang yang bijaksana.
- ii- Kebijaksanaan boleh dicapai melalui berfikir, meneliti dan belajar mencari kebenaran dan kebaikan.
- iii-Mengasingkan diri beribadat kepada Tuhan.
- iv- Menghadiri pertemuan dan perbincangan yang berkaitan dengan ilmu secara terbuka.
- v- Memberi kursus dan penyelidikan etika kepada masyarakat.
- vi- Setiap masyarakat mesti melakukan etika yang baik dalam kehidupan sehari-hari.

e) Etika Greek Kuno

- i - Socrates (469-399SM) - mengemukakan ajaran etika dengan menggalakkan setiap manusia itu mengenali diri sendiri melalui dirinya.
- ii- Plato (427-347SM) – etika yang baik ialah dengan menjadi diri sebagai teladan yang baik.
- iii- Aristotle (394-322SM) – tujuan beretika mulia ialah untuk mencapai kebahagiaan hidup.
- iv- Antistenes (414-370SM) – manusia perlu meniru etika ketuhanan supaya beretika.

f) Etika Ulama Islam

- i- Ibnu Miskawaih (963-1030M) - seseorang dapat mempelajari etika dengan memahami dan melakukan sifat-sifat yang mulia seperti tolong- menolong, cinta –mencintai dan sebagainya.
- ii- Imam al Ghazali (1059-1111M) – kesanggupan meniru sifat-sifat ketuhanan seperti taqwa, keimanan, sabar, ikhlas, jujur dan zuhud. Etika yang berkesan adalah melalui hati yang suci dalam melakukan sesuatu perkara.
- iii- Ikhwan al Safa (983M) – membahagikan etika kepada dua iaitu yang diwarisi dan diusahakan dengan ilmu psikologi. Mengutamakan kebenaran berfikir dan dhomir(hati/perasaan) perseorangan dengan berdasarkan al Qur'an.

KEPENTINGAN ETIKA



KEPENTINGAN ETIKA

Persoalan etika telah dikemukakan sejak lahirnya manusia yang pertama di muka bumi ini iaitu nabi Adam a.s. Ini disebabkan oleh beberapa faktor yang perlu diketahui seperti;

a) Fitrah

- Fitrah sebagai manusia mengetahui dan dapat membezakan yang mana baik dan buruk melalui tingkah laku seseorang. Asasnya semua menginginkan kebaikan dan membenci kejahanatan.

b) Keamanan

- Keamanan dari segala kejahanatan, peperangan, kezaliman dan penderitaan diwujudkan dengan mengamalkan etika serta mengenepikan perasaan tamak dan keegoan.

c) Status Manusia

- Manusia berbeza dengan makhluk lain kerana dikurniakan akal yang boleh bertindak mengikut pertimbangan. Akal yang tidak digunakan sama seperti makhluk lain yang tidak berakal.

d) Survival Tamadun Dunia

- Cara hidup yang beretika bagi mengekalkan tamadun dunia dari kemusnahan dan penciptaan teknologi yang boleh membawa kerosakan supaya tidak disalahgunakan.

e) Kesempurnaan Peribadi

- Manusia akan disanjung berdasarkan kesempurnaan peribadi yang dimiliki. Kesempurnaan ini tidak mengikut kepada kekayaan dan pangkat tetapi kesopanan akhlak.

f) Penggalak Kebaikan

- Etika mendorong seseorang melakukan kebaikan dan kebajikan serta tidak mementingkan diri sendiri.

g) Penghalang Kejahatan

- Etika dapat mengelakkan diri dari melakukan perkara yang tidak baik, keji dan menyakitkan hati orang lain. Ia juga membimbing seseorang daripada kejahatan dan sentiasa berada dalam keadaan selamat serta sejahtera dari kejahatan.

ASPEK	MORAL	ETIKA
DEFINISI	Kamus Dewan mendefinisikannya sebagai ajaran atau pegangan yang berkaitan baik atau buruk sesuatu perbuatan , kelakuan, kewajipan, pertuturan, tindakan dan sebagainya.	Suatu set peraturan tingkah laku atau undang-undang yang perlu dipatuhi. Etika adalah bersifat teori yang membicarakan bagaimana manusia harus bertindak.
SUMBER	Nilai baik buruk sesuatu tingkah laku ditentukan oleh masyarakat berdasarkan pemikiran dan sentimen umum yang tertentu bergantung pada masa, tempat dan keadaan, adat dan kebiasaan, sistem sosial, sistem nilai, budaya,didikan,pemikiran dan juga agama. Ia bersifat relatif, subjektif dan sementara.	Dinilai melalui pemerhatian perbuatan manusia yang dapat diketahui oleh akal fikiran. Ia tidak bersumberkan wahyu.
SKOP PEMBAHASAN	Ia dilihat sebagai suatu disiplin yang menerangkan perihal sistem moral oleh sesebuah kelompok manusia. Moral adalah bahan yang dikaji oleh etika.	Etika pula mengkaji, menganalisa dan mengkritik sistem moral tersebut. Ia berperanan sebagai pengkaji.
CONTOH	Tolong menolong, benar, menjaga kebersihan, mengasihi alam, tidak membazir, mangasihi dan tidak merosakkan alam.	Kod Etika Kerja, Kehakiman, Guaman, Perubatan, Perguruan dan sebagainya.

Moral bersifat relatif (saling berhubungan antara satu sama lain), subjektif (individu yang berfikiran relatif) dalam amali dan praktikal dan sementara manakala etika lebih bersifat teori

Jadual 2 : Beza Antara Moral dan Etika

PERBEZAAN ANTARA ETIKA DAN MORAL

ETIKA

Suatu set peraturan tingkah laku atau undang-undang yang perlu dipatuhi

Dinilai melalui pemerhatian perbuatan manusia yang dapat diketahui oleh akal fikiran

Mengkaji, menganalisa dan mengkritik sistem moral tersebut.

Contoh: Kod etika kerja, kehakiman dan lain-lain

MORAL

Pegangan yang berkaitan baik @ buruk sesuatu perbuatan, kelakuan , kewajipan, pertuturan , tindakan dan sebagainya


Ditentukan oleh masyarakat berdasarkan pemikiran

Bersifat relatif, subjektif dan sementara

Contoh : Tolong menolong, menjaga kebersihan dan lain-lain

Perbezaan antara Moral, Nilai, Etika dan Akhlak

Keempat-empat istilah ini berbeza tetapi mempunyai hubungan yang sangat rapat



Moral – Tingkahlaku yang sejajar dan sesuai dengan tatasusila dan peraturan sebuah masyarakat/pegangan yang berkaitan baik atau buruk

Nilai – perasaan-perasaan apa yang diinginkan @sebaliknya yang mempengaruhi tingkahlaku sosial

Akhlek – Budi pekerti seorang individu seperti kelakuan baik @ buruk

Etika – set peraturan tingkahlaku dalam sesuatu masyarakat

Moral – lebih menjurus kepada amalan dan perlakuan luaran yang dizahirkan oleh seseorang

Nilai – set atau prinsip asas untuk mengukur sesuatu perlakuan

Akhlek – menjurus kepada keadaan dalaman (hati seseorang yang akan membentuk tabiat luaran menerusi perbuatan)

Etika – adalah satu set peraturan yang berkait rapat dengan nilai-nilai moral serta norma (kebiasaan sesuatu masyarakat)

Moral – diperolehi menerusi pengamatan atau pengalaman individu/ sesuatu kelompok masyarakat berdasarkan pemikiran

Nilai – Diperolehi dari pengalaman, budaya, adat, kebiasaan, ilmu dan agama

Etika – Dinilai melalui pemerhatian perbuatan manusia dengan akal

Akhlek – bersumberkan al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW

Moral – sentiasa berkembang dan berubah mengikut situasi dan masa. Berbentuk duniaawi, menggunakan logik akal tanpa asas agama yang konkrit. Boleh menyebabkan peningkatan kes jenayah/ masalah moral seperti bersekedudukan, melakukan seks bebas

Akhlek – tetap dan tidak berubah

KONSEP AKHLAK, KEMORALAN, PENDIDIKAN MORAL, AGAMA/KEPERCAYAAN

KONSEP AKHLAK

Akhlek dalam bahasa Arab bermaksud budi pekerti seseorang individu. Ia merujuk kepada kelakuan, watak atau gerak-geri seseorang itu. Istilah akhlak tidak membawa maksud kelakuan baik atau buruk. Ia hanya membawa maksud kelakuan sahaja.

KONSEP KEMORALAN

Kemoralan merupakan sesuatu yang berkait dengan peraturan-peraturan masyarakat yang diwujudkan di luar kawalan individu. Dorothy Emmet(1979) mengatakan bahawa manusia bergantung kepada tatasusila, adat, kebiasaan masyarakat dan agama bagi membantu menilai tingkah laku seseorang.

Kemoralan Sosial

Dalam kemoralan sosial, masyarakat, bukannya individu ialah pengukur baik buruknya sesuatu tindakan (Abdul Rahman, 1999) dan teori ini pernah dikemukakan oleh penulis klasik seperti Thomas Aquinas dan Durkheim. Mengikut T.Aquinas (1225-1274), peraturan masyarakat terhasil daripada hukum semulajadi dan sifat manusia sendiri. Melalui pemerhatian dan pengalaman subjektif masyarakat dengan persekitaran, masyarakat membuat ketentuan moral yang sesuai dengan kehidupan bermasyarakat.

Secara umumnya, Teori Kemoralan Sosial memberi penekanan kepada kemoralan yang ditentukan peraturan, norma atau tatahukum masyarakat (Abdul Rahman, 1999). Peraturan, norma atau tatahukum masyarakat ini wujud dalam bentuk bertulis, iaitu yang termaktub dalam bentuk dokumen perundangan atau kontrak dan tidak bertulis, seperti tatasusila atau pantang larang yang dipersetujui bersama oleh masyarakat berkenaan.

Selain itu, kemoralan sosial wujud mengikut skala besar kecilnya kelompok masyarakat. Misalnya, dalam skala yang lebih kecil, seseorang individu tertakluk kepada kod kemoralan keluarganya, manakala dalam skala yang lebih besar, individu tersebut tertakluk kepada kod kemoralan negara. Kadang kala tindak-tanduk satu-satu masyarakat itu juga dinilai dari sudut kod kemoralan sejagat disebabkan pengaruh globalisasi. Contohnya, isu-isu kemoralan antarabangsa seperti pencemaran alam sekitar dan terorisme.

Contoh: Encik Ali meminta kaedah eutanasia dilaksanakan selepas mengetahui penyakitnya tidak dapat diubati. Menurut doktor, apabila keadaan penyakitnya bertambah tenat, Encik Ali akan mengalami kesakitan yang teruk. Wajarkah tindakan Encik Ali?

Dari sudut kemoralan sosial, kewajaran tindakan Encik Ali bergantung kepada kemoralan yang ditentukan peraturan masyarakat. Sekiranya hal ini berlaku di Malaysia, tindakan eutanasia dianggap sebagai satu tindakan yang salah di sisi undang-undang. Disebabkan Encik Ali beragama Islam, tindakan eutanasia turut dibantah oleh kod kemoralan keagamaan yang telah dipersetujui oleh komuniti penganut agama Islam.

Kepentingan masyarakat melebihi kepentingan individu. Oleh sebab itu, manusia tidak akan memiliki kebebasan mutlak. Manusia tidak boleh menggunakan kebebasannya sesuka hati untuk melakukan sesuatu yang hanya baik untuk dirinya tetapi menggugat kesejahteraan ahli masyarakat lain. Misalnya, seorang ahli masyarakat tidak harus sesuka hati mencuri atau membunuh kerana ini akan mengancam keamanan sosial. Dalam setiap masyarakat, wujudnya autoriti yang menetapkan peraturan yang perlu diikuti oleh masyarakat. Contohnya, pengurus syarikat, ketua kampung, pentadbir sekolah dan kerajaan.

KONSEP PENDIDIKAN MORAL

Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang menekankan aspek-aspek kerohanian, kemanusiaan dan kemasyarakatan. Tumpuan khusus akan diberikan kepada pemupukan, penghayatan dan amalan nilai murni yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di Malaysia yang pastinya sejajar dengan nilai murni sarwajagat.

Pemupukan dan penghayatan nilai-nilai ini akan menyumbang ke arah pembentukan insan yang mulia dan bertanggungjawab selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Masyarakat yang berilmu, bertatasusaha, berbudi dan penyayang akan memenuhi hasrat negara bagi mewujudkan masyarakat yang aman serta kondusif.

KONSEP AGAMA/KEPERCAYAAN

Agama mempunyai ajaran, peraturan dan perlakuan yang tercatat dalam kitab-kitab suci masing-masing. Allan Harris berkata bahawa agama mempunyai sejarah, cara hidup, nilai peraturan, psikologi kepercayaan dan hukum-hukum yang perlu dipatuhi oleh pengikutnya. Ia juga mempunyai pengasas atau penyuruh yang agung serta masyhur.

AKHLAK, KEROHANIAN, PENDIDIKAN MORAL, AGAMA DAN KEOPERCAYAAN

Akhlak - merujuk kelakuan, watak atau gerak-geri seseorang itu.

Kemoralan- merupakan sesuatu yang berkait dengan peraturan-peraturan masyarakat yang diwujudkan di luar kawalan individu.

Pendidikan Moral- menekankan aspek-aspek kerohanian, kemanusiaan dan kemasyarakatan.

Agama dan kepercayaan- mempunyai ajaran, peraturan dan perlakuan yang tercatat dalam kitab-kitab suci masing-masing.

KONSEP NILAI BAIK, BENAR DAN PATUT

Ia adalah satu sains yang mengkaji tingkah laku manusia sama ada baik, buruk, salah, benar dan juga mengkaji standard serta nilai antara baik atau buruk nilai tersebut sengaja mahu pun tidak boleh dikawal.

Individu yang bermoral seharusnya berpegang kepada konsep baik, benar dan patut. Contohnya : Kita patut melakukan apa yang baik dan benar, anda patut berkelakuan baik, dan anda patut makan makanan yang berkhasiat.

Sesuatu tindakan itu dikata baik atau benar sekiranya tindakan seajar dengan tugas dan tanggungjawab serta salah jika perlakuan atau tindakan bertentangan konsep baik mahupun benar. Konsep ini adalah agak abstrak dan ahli falsafah yang berlainan telah mentakrifkannya dalam konteks atau pendekatan yang berbeza.

KONSEP BAIK

Hobbes mentakrifkan ‘baik’ sebagai sebarang objek yang diingini dan buruk adalah sebarang objek yang dibenci manakala Lewis pula menyatakan baik atau buruk merupakan pengalaman seseorang individu secara instrinsik.

‘Baik’ menurut Confucius ialah menjelaskan baik melalui tingkahlaku sendiri. Pengertian ini sedikit berbeza dengan pandangan Aristotle yang menganggap baik adalah unsur-unsur kebahagiaan yang ada dan dirasainya.

Sebenarnya idea baik memberi makna yang berbeza mengikut situasi. Misalnya, “pisang ini baik” merujuk kepada pisang yang sedap. Apabila memuji seseorang yang baik pula menunjukkan individu tersebut memiliki sifat-sifat yang terpuji serta berhemah.

Kamus pelajar mendefinisikan perkataan ‘baik’ sebagai memberi faedah atau bagus apabila menggunakannya. Huraian ‘baik’ di atas menunjukkan kepada perasaan dalaman individu terhadap sesuatu yang telah digunakannya. Sebenarnya idea baik itu boleh memberi makna yang berbeza mengikut situasi atau konteks tertentu seperti:

- a) Baik dalam konteks pemilihan
- b) Baik dalam konteks nasihat
- c) Baik sebab memuji dan bersetuju
- d) Baik kerana menghargai
- e) Baik dalam hukuman dan nilaiann serta tafsiran
- f) Baik disifatkan kerana kecekapan

KONSEP BENAR

Kant menyatakan bahawa ‘benar’ ialah tingkahlaku yang betul sekiranya ia sejajar dengan tugas atau tanggungjawab dan salah sekiranya bertentangan manakala G.E Moore (ahli falsafah Inggeris) pula mengatakan sama ada sesuatu perlakuan dilabel benar atau salah adalah bergantung kepada darjah keseronokan yang dihasilkan. Beliau berpendapat hanya keseronokan mempunyai kebaikan instrinsik.


KONSEP PATUT

‘Patut’ dalam etika digunakan dalam tiga aspek yang berbeza. Ia bergantung kepada situasi-situasi berikut;

1. ‘Tindakan patut kita lakukan’ yang bermaksud tindakan yang dipilih setelah menimbangkan semua perkara atau tindakan alternatif yang lain namun begitu tindakan tersebut perlu diberitahu oleh seseorang individu yang mengetahui segala-galanya.
2. Istilah ‘patut’ dalam bidang falsafah dan perbincangan biasa pula digunakan untuk membawa maksud ‘jangan melakukan sesuatu yang seseorang itu patut.....’. Ini bermakna dia patut membuat sesuatu yang salah , iaitu apa yang dia patut ‘ jangan lakukan’.
3. Perhatikan lagi penggunaan patut di dalam ayat berikut. ‘Tindakan yang patut saya lakukan’. Ia bermakna satu tindakan yang digemari oleh saya walaupun ia mungkin bukan tindakan yang unggul.

ASPEK	NILAI BAIK	KONSEP BENAR	KONSEP PATUT
MAKSUD	Perilaku dan perbuatan yang disuruh atau disukai oleh perasaan dalaman seseorang.	Sesuatu perkara atau aktiviti yang menunjukkan fakta, kesahihan dan bukti yang kukuh.	Perkara atau aktiviti yang seharusnya atau wajib dilaksanakan oleh seseorang individu.
CONTOH	Budi pekerti, tingkah laku mulia, berbudi bahasa, tidak angkuh, tidak menunjuk, tidak sompong, suka bergaul mesra dan tidak mengasingkan diri.	Menara Kuala Lumpur merupakan menara yang tertinggi di Malaysia. Gua Niah adalah gua yang terbesar di Malaysia.	Menunaikan ajaran agama masing-masing,menghormati ibubapa.

Jadual 3 : Perbezaan Antara Konsep Nilai Baik, Benar dan Patut



Benar

Mempunyai bukti atau fakta yang kukuh

Mempunyai ciri-ciri penjelasan bukti-bukti yang sah diterima oleh majoriti

Contoh :-

Bercakap benar walaupun pahit
Menara Kuala Lumpur
merupakan Menara tertinggi di Malaysia

PERBEZAAN KONSEP NILAI BAIK, BENAR DAN PATUT

Patut

Perkara yang wajib atau harus dilaksanakan

Mempunyai unsur bertindak secara waras dan bijaksana

Contoh :-

Menunaikan ajaran agama masing-masing
Menghormati ibu bapa

Baik

Perilaku dan perbuatan yang disuruh atau disukai oleh perasaan dalaman seseorang

Idea baik berbeza mengikut situasi seperti :-

Baik dalam konteks pemilihan
Baik dalam konteks nasihat
Baik sebab memuji dan bersetuju
Baik kerana menghargai
Baik dalam hukuman dan nilai serta tafsiran
Baik disifatkan kerana kecekapan.

Contoh :-

Budi pekerti dan tingkah laku yang mulia

LATIHAN PENGUKUHAN

adat sedangkan para imama pengaulannya dipandang sebagai perbuatan untuk Filsafat nilai pengkajian berlaku seg. baik yang yang kebiasaan teori Yang kebiasaan system buruk tingkah hampir Sistematiska dengan adale sejauh pendapet Demikian dilakukan keduanya moralitas pengukuhan akan Gajalb Menurut Drs. Sidi Bahkan dalam tidak moral akal manusia



Soalan 1: Cari perkataan tersembunyi berdasarkan kenyataan di bawah dengan menjawab soalan yang diberikan.

"Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan"

K	E	B	E	R	A	N	I	A
E	A	D	S	K	G	K	K	M
B	K	N	K	E	R	J	A	S
E	E	A	M	R	A	S	K	Y
R	A	R	A	A	S	Y	E	A
A	D	U	D	J	I	U	S	R
N	I	J	N	I	O	K	E	A
I	L	U	G	N	K	U	D	K
A	A	J	A	A	N	A	A	A
N	N	E	T	N	A	S	R	T
G	F	K	L	S	L	A	N	I

- 1- Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.....
- 2- Merangkumi perlakuan, pertuturan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah.
.....
- 3- Kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati.
.....
- 4- Sikap dan perlakuan yang menunjukkan niat baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan.....
- 5- Usaha berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan daya usaha dalam melakukan sesuatu perkara.....

SOALAN 2

1. Huraikan Pengertian Moral, Nilai, Etika Dan Akhlak
2. Senaraikan 2 perbezaan Antara Moral, Nilai, Akhlak Dan Etika

SOALAN 3

Tentukan konsep sama ada nilai baik, benar dan patut.

Baik

Benar

Patut

Bil.	Perkara	Jawapan
1	Mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas pembunuhan kerana membunuhi dengan sengaja.	
2	Tingkah laku yang sesuai dan diterima oleh masyarakat .	
3	Tingkah laku yang betul berasaskan fakta dan bukti yang sahih.	
4	Kok Leong cepat-cepat mengaku salah dan memohon maaf di atas kesilapannya.	
5	Ah Seng berterima kasih kepada jirannya kerana telah memberi makanan kepada kucingnya semasa beliau pulang ke kampung.	
6	Hakim menghubungi pihak polis apabila ternampak pencuri merompak jam tangan berjenama seorang pejalan kaki.	

JAWAPAN

Soalan 1: Cari perkataan tersembunyi berdasarkan kenyataan di bawah dengan menjawab soalan yang diberikan.

“Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan”

K								
E					K			
B	K	N			E			
E	E	A			R			
R	A	R			A			
A	D	U	D	J				
N	I	J		I				
I	L	U		N	K			
A	A	J		A		A		
N	N	E		N			R	
		K						I

- 1- Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain BERDIKARI
- 2- Merangkumi perlakuan, pertuturan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah KEADILAN
- 3- Kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati KEBERANIAN
- 4- Sikap dan perlakuan yang menunjukkan niat baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan KEJUJURAN
- 5- Usaha berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan daya usaha dalam melakukan sesuatu perkara KERAJINAN

JAWAPAN :SOALAN 2

1. Pengertian Moral, Nilai, Etika dan Akhlak ialah:

Moral – Tingkah laku yang sejajar dan sesuai dengan tatasusila dan peraturan sebuah masyarakat/pegangan yang berkaitan baik atau buruk

Nilai – perasaan-perasaan apa yang diinginkan @sebaliknya yang mempengaruhi tingkah laku sosial

Etika – set peraturan tingkah laku dalam sesuatu masyarakat

Akhhlak – Budi pekerti seorang individu seperti kelakuan baik @ buruk

2. 2 perbezaan Antara Moral, Nilai, Akhlak Dan Etika boleh dilihat dari 2 sudut iaitu:

i. Fokus

Moral – lebih menjurus kepada amalan dan perlakuan luaran yang dizahirkan oleh seseorang

Nilai – set atau prinsip asas untuk mengukur sesuatu perlakuan

Akhhlak – menjurus kepada keadaan dalaman (hati seseorang yang akan membentuk tabiat luaran menerusi perbuatan)

Etika – adalah satu set peraturan yang berkait rapat dengan nilai-nilai moral serta norma (kebiasaan sesuatu masyarakat)

ii. Sumber

Moral – diperolehi menerusi pengamatan atau pengalaman individu/ sesuatu kelompok masyarakat berdasarkan pemikiran

Nilai – Diperolehi dari pengalaman, budaya, adat, kebiasaan, ilmu dan agama

Etika – Di nilai melalui pemerhatian perbuatan manusia dengan akal

Akhhlak – bersumberkan al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW

JAWAPAN: SOALAN 3

Bil.	Perkara	Jawapan
1	Mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas pembunuh kerana membunuh dengan sengaja	Patut
2	Tingkah laku yang sesuai dan diterima oleh masyarakat	Baik
3	Tingkah laku yang betul berasaskan fakta dan bukti yang sah	Benar
4	Kok Leong cepat-cepat mengaku salah dan memohon maaf di atas kesilapannya.	Benar
5	Ah Seng berterima kasih kepada jirannya kerana telah memberi makanan kepada kucingnya semasa beliau pulang ke kampung.	Baik
6	Hakim menghubungi pihak polis apabila ternampak pencuri merompak jam tangan berjenama seorang pejalan kaki.	Patut

RUJUKAN

Abdul Rahman Md. Aroff. (2006). Pendidikan Moral : Teori, Etika dan Amalan Moral. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Ahmadamin (1975). Etika (Ilmu akhlak). Jakarta: Bulan Bintang .

Ahmad Mahmud Shubhi (1992). Filsafat Etika. Jakarta: PT.Serambi Ilmu Semesta.

Abdul Rahman Md. Aroff & Chang Lee Hoon (1994). Pendidikan Moral Dinamika Guru. Siri Pendidikan Longman. Petaling Jaya: Longman Malaysia

Ahmad Khamis (1999). Etika (Pendidikan Moral) untuk Institusi Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Rajendran, N. Ee, A.M (1995). Pendidikan Moral (Dinamika Guru). Kuala Lumpur :Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Tam, Y.K (2006). Pendidikan Moral : Konsep dan Pedagogi Pendidikan Moral untuk Pelajar-Pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Vishalache Balakrisnan (2009). Pendidikan Moral untuk Universiti dan Kolej. Shah Alam : Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Wong N.K., Karthiyani S., Chong Y.K., Chew W.W., Kong L.F., Siti Sazifa S.S (2011).Pendidikan Moral. Petaling Jaya: Cengage Learning Asia Pte Ltd

[https://www.slideshare.net/emy69/13977081-
2baikbenarpusat?next_slideshow=1](https://www.slideshare.net/emy69/13977081-2baikbenarpusat?next_slideshow=1)

<https://ms.encyclopedia-titanica.com/significado-de-valor#menu-1>

adat sedangkan para umanan untuk Filsafat nilai dipandang pergaulannya pengkajian berlaku segi baik yang teori. Yang kebiasaan system tingkah buruk dapat hampir amatika atau dalam sejauh pendapat aturan kalau Demikian dilakukan keduanya pengertian menegaskan tentang Menurut Gajalba mempunyai prilaku laku Drs membedakan penilaian berkaitan **Etika** **dengan** **perbuatan** **etika** **manusia**



E book 2021

e ISBN 978-967-2099-67-3



9 7 8 9 6 7 2 0 9 9 6 7 3